

# **Jemaah Tabligh : Metodologi dan Pendekatan Dakwah**

Oleh:

Syarul Azman bin Shaharuddin  
Jabatan Dakwah dan Pengurusan  
Akademi Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

&

Najwa binti Mohd Salleh  
Jabatan Dakwah dan Pengurusan  
Akademi Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

## ***Abstrak***

*Kertas kerja ini membicarakan mengenai metodologi dan pendekatan dakwah yang dijalankan oleh Jemaah Tabligh. Jemaah Tabligh yang dimaksudkan adalah khusus di Markaz Masjid Jame', Bandar Baru Seri Petaling, Selangor. Metode khuruj, metode ta`lim wa ta`llum, metode bayan, metode tasyki,l metode ziarah, metode musyawarah, metode karguzari dan metode sabguzari dikenal pasti sebagai metodologi dan pendekatan dakwah kelompok ini.*

## **Pendahuluan**

Di Malaysia, terdapat beberapa gerakan dakwah yang bergerak aktif menyebarkan risalah dan mesej Islam kepada masyarakat. Gerakan-gerakan tersebut menjalankan aktiviti dakwah dengan menggunakan pendekatan dan orientasi tersendiri sesuai dengan latarbelakang ia ditubuhkan. Secara umumnya, ada gerakan dakwah yang bersifat sebagai badan kerajaan, bukan badan kerajaan (NGO), berorientasikan belia, politik dan sebagainya. Di samping itu, terdapat gerakan-gerakan secara rasmi bergerak di persada masyarakat dengan mendapat keizinan dan kelulusan pihak pemerintah. Walaubagaimanpun, ada gerakan dakwah yang tidak mengisytiharkan gerakannya sebagai pertubuhan rasmi yang perlu didaftarkan pergerakannya tetapi ia tetap dikenali sebagai gerakan dakwah. Gerakan itu ialah Jemaah Tabligh. Sehubungan dengan itu,

kertas ini akan membincangkan gerakan Jemaah Tabligh sebagai sebuah gerakan dakwah yang terdapat di Malaysia khususnya di Masjid Jame` Bandar Sri Petaling. Perbincangan lebih difokuskan kepada metodologi dan pendekatan yang digunakan oleh gerakan tersebut ketika menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat.

### **Gerakan Jemaah Tabligh Sepintas Lalu**

Secara umum, perkataan Jemaah Tabligh mengandungi dua perkataan yang berasal dari bahasa Arab, iaitu jemaah atau *jama`ah* yang bermaksud sekumpulan manusia (al-Bustani, 1986, 92) dan *tabligh* yang bermaksud penyampaian (Ibid, 43). Jemaah Tabligh sebagai sebuah organisasi dakwah merujuk kepada gerakan dakwah yang diasaskan oleh Maulana Muhammad Ilyas al-Kandahlawi yang berasal dari desa Kandhala kawasan Muzaffar Nagar Utara Prades India (al-Nadawi, 1990, 9). Kemunculan gerakan ini bermula di Mewat, Delhi yang berpunca dari keadaan penduduk Mewat yang tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar (Haji Muhammad Idris Ibrahim, t.t, 187). Ini menyebabkan Maulana Ilyas cuba sedaya upaya memperbaiki keadaan mereka dengan pelbagai cara dan pendekatan. Usaha seumpamanya telah dilanjutkan ke tempat-tempat lain yang mempunyai permasalahan yang sama seperti di Delhi, Punjab, Aligarh dan Rohtak (Azharudin Mohamed Dali, 2003, 29). Natijah dari rasa keinsafan pengasas gerakan ini terhadap kehidupan umat Islam di India, maka ia membentuk jemaah yang mempunyai misi dan visi ke arah islah diri dan mengajak manusia supaya mentauhidkan, menta`zimkan Allah s.w.t. antara tujuan gerakan ini ialah untuk mengembangkan ajaran dan amalan Islam di kalangan umat Islam, merealisasikan amalan-amalan tersebut dalam kehidupan, menghidupkan pendekatan dakwah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, menguatkan keimanan dan pegangan umat Islam (Abdullah Fahim Haji Abdul Rahman, 1983, 11-12).

Dalam konteks Jemaah Tabligh di Malaysia, ia muncul dan mula berkembang pada tahun 1950an yang dikembangkan oleh orang-orang India Muslim. Pengasasnya ialah Maulana Abdul Malik Madani. Kedatangan beliau adalah sebagai wakil markas Nizamuddin India. Kedatangan beliau di Kuala Lumpur disambut oleh beberapa tokoh India Muslim seperti

Dato' Daud Ahmad Merican, T.K.Sabdul Majeed dan S.O.K Ubaidullah. Sehubungan dengan itu, beliau diberi penghormatan menerangkan program tablighnya kepada komuniti India Muslim di Masjid India Kuala Lumpur. Dengan ini, masjid tersebut menjadi markas pertama bagi gerakan ini di Malaysia (Muhammad Ghazali Ali, 1982, 34). Ini menunjukkan bahawa di awal-awal kemunculannya di Malaysia, gerakan ini hanya popular di kalangan kaum India Muslim sahaja.

Pada tahun-tahun 70an, orang Melayu mula terlibat dalam gerakan ini. Dari Kuala Lumpur, gerakan ini meluaskan daerah dakwahnya ke kawasan-kawasan lain seperti Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kubang Kerian, Lundang dan Kota Bharu dengan menjadikan masjid-masjid tertentu sebagai markas gerakan mereka (Haji Muhammad Idris Ibrahim, t.th, 199; Samsiah Abu Bakar, 1993, 74; Wan Noraini Wan Ahmad, 1995, 66). Di samping itu terdapat kesinambungan wadah gerakan antara Jemaah Tabligh di India dengan ahli-ahli yang berada di Malaysia sehingga ada di kalangan ahli jemaah yang menerima latihan perkaderan dan tarbiyyah gerakan ini di India (Mahadi Daud, t.th, 45). Malah ada di kalangan pelajar Malaysia yang menuntut di negara-negara seperti Pakistan, India dan Arab Saudi terdedah kepada gerakan tersebut (Muhammad Ghazali Ali, 1982, 50). Gerakan ini juga mendapat sokongan daripada tuan-tuan guru seperti Tuan Haji Salleh (mudir Madrasah Manabil `Ulum Penanti Seberang Perai (Mahadi Daud, t.th, 48-49).

Sekarang, gerakan Tabligh menjadikan Masjid Jame` Bandar Baru Sri Petaling sebagai Markas Dakwah Jemaah Tabligh Malaysia di samping sebagai masjid karyah Bandar Baru Sri Petaling. Masjid yang siap pembinaannya pada tahun 1993 itu boleh memuatkan hampir 10000 orang jemaah pada satu-satu masa. Bagi memenuhi keperluan gerakan, masjid tersebut mempunyai bilik-bilik tertentu seperti bilik khidmat jemaah yang berfungsi sebagai bilik ahli yang datang memberikan khidmat di masjid samada dalam bentuk aktiviti mahupun tenaga, bilik *istiqbal* iaitu bilik khusus untuk jemaah yang mahu *khuruj* (keluar berdakwah) dan yang baru pulang dari *khuruj*.

Walaupun masjid ini menjadi markas gerakan tabligh di Malaysia, ia tidak menghadkan hanya untuk ahli gerakan sahaja. Dengan kata lain, masjid ini menjadi milik masyarakat

Islam dan fungsinya sama seperti masjid-masjid lain di seluruh negara. Aktiviti gerakan di masjid ini boleh dikategorikan kepada harian dan mingguan. Aktiviti berbentuk harian lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti seperti mesyuarat harian, taklimat, halaqah ta`lim fada`il dan kuliah. Manakala aktiviti mingguan dikhususkan kepada ahli jemaah yang datang dari Selangor dan Wilayah Persekutuan dengan aktiviti berbentuk kuliah, bacaan kitab, iktikaf dan mesyuarat yang dijalankan pada tiap-tiap hari Rabu. Sebagai memenuhi program pengimarahannya, masjid mengendalikan program-program umum seperti kelas pengajian untuk kaum lelaki dan wanita, program-program hari kebesaran Islam, program silaturrahim dan sebagainya.

Gerakan Jemaah Tabligh telah menggariskan beberapa matlamat dakwah, iaitu:

1. untuk menyedarkan ahli jemaah tujuan manusia diciptakan iaitu menyembah Allah s.w.t., mengikuti suruhan-Nya dan mengikuti Rasul-Nya serta menyeru manusia kepada agama Islam. Justeru apabila manusia melaksanakan tanggungjawab ini, semua makhluk lain akan membantu kita (Abd Khaliq Berzadah, 1993, 134).
2. untuk mengkaji tindak tanduk yang dilakukan sebelum ini agar dapat diperbaiki pada masa akan datang. Ini supaya tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan sebelum ini (Ibid, 70)
3. untuk mengubah bi'ah atau suasana yang tidak islami kepada suasana yang lebih islami. Dengan cara merubah orang ramai daripada perbuatan mereka yang salah kepada mengerjakan perbuatan yang berlandaskan keimanan sehingga umat kembali kepada kegemilangan terdahulu (ibid, 85)
4. untuk mencar ahli-ahli baru bagi membentuk kumpulan baru untuk dihantar ke tempat lain. Dengan cara ini mereka akan menerima tarbiyyah semasa khuruj (ibid, 117)
5. untuk menghabiskan tenaga dan usaha untuk membentuk sifat-sifat terpuji sesuai dengan gelaran khalifah Allah di bumi (ibid, 135)
6. untuk menjinakkan diri beramal dengan agama Allah (Amer Hamzah, 2003)
7. untuk mendapatkan nur daripada al-Quran dan hadis (Mohammad Zakariyya, t.th, 1)

8. untuk mendapatkan iman dan yakin.
9. untuk menilai ilmu manusia yang amat sedikit berbanding ilmu Allah s.w.t.
10. untuk menghidupkan sunnah Rasulullah s.a.w.
11. untuk menghidupkan amalan Masjid Nabawi.
12. untuk membentuk fikir bagi membina iman dan amal.
13. untuk membina semangat berkorban untuk agama, harta dan diri.
14. untuk melaksanakan kerja dakwah seperti yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.  
(Saeed Ahmad Khan, 2002, 51)
15. untuk menghidupkan kembali kerja dakwah yang diwariskan oleh Rasulullah s.a.w. (ibid, 49)

### **Metode Dakwah Jemaah Tabligh**

Secara umum, metodologi dan pendekatan dakwah yang digunakan oleh ahli Jemaah Tabligh lebih tertumpu kepada aktiviti atau program yang disusun samada dalam bentuk harian, mingguan, bulanan dan tahunan. Metodologi yang digunakan adalah seperti berikut:

#### 1. Metode khuruj:

Metode ini digunakan sebagai landasan kemantapan berdakwah dan bertabligh bagi menyampaikan mesej Islam. Ketika khuruj itulah, ahli jemaah akan melaksanakan aktiviti seperti bayan, tasykil, ta`lim, ziarah, musyawarah, *karguzari* dan sebagainya. Khuruj merupakan pergerakan ahli dalam kumpulan kecil samada berjalan kaki, berkenderaan (Yusaini Yusoff, 2001, 38) dalam tempoh masa tertentu samada sekali pada waktu petang dalam seminggu, tiga hari dalam sebulan, 40 hari dalam setahun atau empat bulan dalam seumur hidup. Tempat atau lokasi khuruj akan tertumpu kepada masjid-masjid yang dipilih oleh kumpulan. Mereka kemudiannya bergerak dari satu masjid ke satu masjid yang ditetapkan. Sebagai contoh, jika mereka khuruj selama 40 hari, ada 13 buah masjid yang dijadikan tempat khuruj secara bergilir (Muhammad Razif Ismail, 2003). Aktiviti khuruj boleh dilakukan samada di dalam atau ke luar negeri (Abdul Hamid Chin, 2003).

Ketika melakukan aktiviti khuruj, setiap ahli jemaah perlu patuh kepada perkara-perkara berikut (Abdul Hamid Chin, 2003):

- i. Enam prinsip asas Jemaah Tabligh. Prinsip-prinsip tersebut ialah kalimah *tayyibah*, solat *khusyu` wa al-khudu`*, ilmu dan zikir, *ikram al-muslimin*, keikhlasan niat, dan berdakwah dan tabligh.
- ii. usul-usul (iaitu tatacara dan tertib jemaah ketika bertabligh) yang mesti dipatuhi oleh *karkun* (iaitu ahli yang terlibat dalam aktiviti dakwah gerakan). Usul-usul tersebut seperti menjaga empat perkara (iaitu taat kepada amir, aktif dalam amal ijtima`i, sabar serta tahan dengan ujian dan menjaga kebersihan masjid), sibuk dengan empat perkara (iaitu dakwah, ibadah serta zikir, ta`lim, khidmat), jauhkan diri daripada empat perkara (makan serta minum, tidur, percakapan sia-sia, keluar dari masjid), hindarkan diri daripada empat perkara (iaitu berlebihan dalam sesuatu perkara, tamak, meminta-minta kepada manusia, menggunakan barang orang lain tanpa izin) dan tidak membicarakan empat perkara (seperti item nombor tiga di bawah).
- iii. perbincangan tentang politik, khilafah, masalah fekah dan perdebatan tentang kegiatan tabligh adalah dilarang.

Secara umum, berikut adalah rutin yang perlu dilakukan ketika khuruj, terutama ketika berada di masjid:

- i. bacaan doa.
- ii. solat sunat tahiyyah al-masjid
- iii. perlantikan amir, *rahaba*, *mutakallimin*, pembaca doa (penentuan itu dilakukan sebelum khuruj) dan istiqbal.
- iv. bayan ta`aruf
- v. tasykil
- vi. ta`lim
- vii. qiamullail

## 2. Metode ta`lim wa ta`llum:

Metode ta`lim wa ta`llum iaitu belajar dan mengajar. Ini supaya *nur kalamullah* dan nur sabda Rasulullah s.a.w. dapat dimasukkan dan diserap kepada ahli bagi meningkatkan semangat beramal (M. Ishaq Shahab, t.th, 216-217). Melalui metode ini juga, ahli dapat menambah ilmu pengetahuan dengan mengambil pengajaran untuk diamalkan dalam kehidupan (Amer Hamzah, 2003). Waktu yang diperuntukkan bagi satu-satu ta`lim ialah 15 minit. Terdapat tiga jenis metode ta`lim iaitu (Muhammad Razif Abdul Wahab, 2003):

- i. ta`lim kitabi, iaitu bacaan kitab-kitab tertentu dengan tema dan pendekatan tertentu.
- ii. ta`lim halaqat al-Quran, iaitu bacaan al-Quran dengan surah tertentu (kebiasaannya 10 surah terakhir dalam juzuk yang ke 30) mengikut kumpulan yang berskala kecil bilangannya.
- iii. muzakarah enam prinsip jamaah tabligh dengan menjurus kepada sifat para sahabat (seperti yang terdapat dalam kitab Hayah al-Sahabah) yang dilakukan selepas solat subuh, maghrib, isyak dan sebelum tidur.

## 3. Metode bayan:

Metode Bayan iaitu cara untuk menerangkan maksud dan kepentingan usaha-usaha tabligh termasuklah enam prinsip (Al-Nadawi, 1991, 202). Metode ini digunakan ketika menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran yang berjumlah ramai (Muhammad Razif Abdul Wahab, 2003). Terdapat lima pendekatan bagi metode ini, iaitu:

- i. bayan hidayat, iaitu kaedah penerangan tentang usul-usul tabligh bagi ahli yang khuruj (M. Ishaq Shahab, t.th, 380).
- ii. bayan wafsi atau tangguh, iaitu kaedah penerangan bagi ahli yang baru pulang daripada khuruj (Abdul Hamid Chin, 2003).
- iii. bayan taqrir, iaitu kaedah penerangan untuk pemantapan hati kepada ahli bagi persediaan khuruj.

#### 4. Metode tasykil:

Metode tasykil iaitu metode pembujukan atau ajakan secara persuasif untuk khuruj (Muhammad Ishaq Shahab, t.th, 384) dan seruan kepada orang ramai agar menghadirkan diri ke perhimpunan mingguan di markah gerakan (Abd al-Khaliq Barzadah, 1993, 117-118). Ia juga merupakan proses penentuan arah perjalanan bagi individu yang mendaftarkan namanya khuruj ke luar negara dan tempoh masa khuruj bersesuaian dengan kewangan (Abd al-Khaliq Barzadah, 1993, 131).

#### 5. Metode ziarah:

Metode ziarah dari pintu ke pintu atau dari rumah ke rumah (Hamid Chin, 2003). Ada empat jenis ziarah dalam gerakan ini (Hamid Chin, 2003), iaitu:

- i. ziarah `umumi: diadakan seminggu sekali di masjid ketika tidak ada aktiviti khuruj. Ia juga dikenali sebagai *gasyt*. Ia dilakukan selepas solat asar dengan bilangan 3-10 orang.
- ii. ziarah khusus: diadakan sepanjang minggu pada hari-hari yang tidak ada *gasyt* dalam masa dua jam setengah: Ia juga dilakukan selepas solat asar. Kunjungan atau ziarah dilakukan terhadap rumah penduduk yang mempunyai pengaruh atau kedudukan di suatu tempat seperti ahli agama, para alim ulama, pemimpin masyarakat, mereka yang dikenalpasti terlibat dalam aktiviti tidak bermoral dan karkun yang 'lemah' dalam usaha dakwah.
- iii. ziarah usuli: iaitu ziarah khusus untuk ahli yang berjanji untuk khuruj dengan tujuan sebagai galakan, semangat dan ingatan tentang khuruj.
- iv. ziarah ta`lim: ziarah ini juga dikenali sebagai ta`lim *gasyt* iaitu berjumpa dan mengajak penduduk kampung menyertai majlis ta`lim diadakan di masjid. Ziarah ini tidak dihadkan dari segi jumlah ahli yang terlibat. Walaubagaimanapun, kebiasaannya ia melibatkan dua orang dalam masa 15 minit.

#### 6. Metode musyawarah:

Metode musyawarah ini menggunakan kaedah berkumpul sambil berfikir dan mentaati keputusan yang diambil (Muhammad Ishaq Shahab, t.th, 209). Ia bertujuan untuk menyatukan fikiran, saranan dan cara kerja supaya setiap ahli menerima dan mengamalkan ajaran agama secara sempurna sehingga mereka merasakan agama ini wujud dalam diri, keluarga dan seluruh umat Islam (Ibid, 212).

#### 7. metode *karguzari*:

Metode *karguzari* iaitu laporan kegiatan amal dan ahwal yang dilakukan dalam mesyuarah atau perkara yang berkaitan dengan dakwah (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1992, 33). Ia dilakukan selepas khuruj. Melalui metode ini, ahli-ahli akan menilai usaha, kejayaan dan keberkesanan dakwah yang dilakukan ketika khuruj serta memperbaiki kelemahan yang berlaku. Ia dilakukan selepas solat asar atau waktu malam di perhimpunan mingguan. Metode ini digunakan kepada ahli yang khuruj melebihi 10 hari sahaja (Ustaz Husnul, 2004).

#### 8. metode *sabguzari*:

Metode yang dikenali sebagai program malam markas ini merupakan perhimpunan mingguan yang diadakan di sesuatu markas seperti di masjid dan surau (Muhammad Ishaq Shahab, t.th, 383). Metode ini dihadiri oleh ahli-ahli baru yang berjaya dikumpulkan hasil program khuruj dan ziarah (Hamid Chin, 2003). Ia biasanya diadakan pada malam Sabtu bermula selepas solat asar dan berakhir pada pagi ahad. Antara pengisiannya ialah taqirir atau ta`lim lisan, bayan, tasykil, tahajjud dan doa.

### **Kesimpulan**

Sebagai sebuah gerakan dakwah yang bersifat massa dan sukarela, Jemaah Tabligh telah memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan dakwah di Malaysia.

Kumpulan ini menggunakan metodologi dan pendekatan dakwah yang tersendiri untuk menyebarkan mesej Islam kepada golongan sasaran. Secara umumnya pendekatan yang digunakan lebih berbentuk tarbiyyah dan pendidikan. Di samping mengekalkan pendekatan tradisi dalam berdakwah, mereka perlu mencuba pendekatan-pendekatan baru yang tidak bertentangan dengan ajaran agama sesuai dengan peredaran masa.

## **Rujukan**

Abdul Hamid Chin. 2003. Temubual pada 15 Oktober.

Abdullah Fahim Haji Abdul Rahman, 1983. "Kumpulan Jamaah Tabligh". Jurnal Pusat Penyelidikan Islam. Bil. 4. Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.

Abdul Rahman Haji Abdullah, 1992. *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran Jemaah Tabligh dan Darul Arqam*. T.Tp: Kintan Sdn. Bhd.

Abd al-Khaliq Barzadah, 1993, *Manhaj al-Da`wah Ila Allah Li Man Yakhruj Fi Sabil Allah*. Kaherah: Maktabah Iman.

Al-Nadawi, Abu al-Hasan `Ali al-Hasani. 1990. *al-Da`iyah al-Kabir al-Shaykh Muhammad Ilyas al-Kandahlawi*. Al-Dawlah al-Imarat al-`Arabiyyah al-Muttahidah: al-Markaz al-`Arabi li al-kitab al-Sharikah.

---

\_\_\_\_\_ 1991. *Riwayat Hidup dan Usaha Dakwah Maulana Muhammad Ilyas*. (terj) Abdul Aziz Abdul Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Amer Hamzah. 2003. Temubual pada 15 Oktober.

al-Bustani, Fu'ad Ifram. 1986. *Qamus Munid al-Tullab*. Beyrut: Dar al-Masyriq.

Husnul. 2004. Temubual pada 10 Oktober.

Mahadi Daud. 1999. "Sejarah Perkembangan Jemaah Tabligh di Malaysia 1970 hingga 1990" (Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah Universiti Malaya)

Mohammad Zakariyya, t.th, *Himpunan Kitab-Kitab Fadhail*. Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn. Bhd.

Muhammad Ghazali Ali, 1982. "Pergerakan Tabligh Jamaat Kuala Lumpur: Satu Kajian Ke Atas Pemikiran Organisasi dan Teknik Kerjanya" (Kertas Projek, Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Malaya)

Haji Muhammad Idris Ibrahim. t.th. *Pergerakan Islam Dalam Sejarah Sosial di Malaysia Antara Tahun 1975-1985*. T.Tp: T.Pt.

Muhammad Ishaq Shahab, t.th, *Khuruj Fi Sabilillah, Sarana Tarbiyyah Ummat Untuk Membentuk Sifat Imaniyyah*. T.Tp: al-Islah Press.

Muhammad Razif Abdul Wahab. 2003. Temubual pada 15 Oktober.

Saeed Ahmad Khan. 2002. Maktabat. (terj) Abdul Majid Ahmad. Kuala Lumpur: T.Pt.

Samsiah Abu Bakar, 1993. "Jemaah Tabligh: Peranan Dalam Perkembangan Islam Masa Kini dan Pandangan Masyarakat Terhadapnya, Satu Tinjauan di Negeri Terengganu Darul Iman" (Latihan Ilmiah, Jabatan usuluddin Universiti Malaya)

Yusaini Yusoff, 2001. "Metode Dakwah Jama`ah Tabligh: Kajian Kes di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur" (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia)

Wan Noraini Wan Ahmad, 1995. "Jemaah Tabligh: Satu Tinjauan di Kota Bharu, Kelantan Darul Naim" (Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin, Universiti Malaya)